

08 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (Ummi)

UMMI SIMPAN GAMBAR BERSAMA ANWAR ATAS BANTAL, KATA AZMIN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Ummi Hafilda Ali, penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" menyimpan gambar beliau bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim di atas bantal dalam bilik tidurnya, Mahkamah Tinggi diberitahu hari ini.

Mohamed Azmin Ali, abang Ummi, yang memberi keterangan bagi pihak pembelaan dalam perbicaraan rasuah Anwar, berkata beliau pernah melihat adiknya itu menyimpan gambar yang beliau ambil di Perhimpunan Agung Umno 1995.

"Ummi telah meminta berkali-kali untuk bergambar bersama saudara Anwar dan pada ketika itu beliau berkata itu adalah peluang terbaik untuk mengambil gambar bersama saudara Anwar," katanya yang menjelaskan bagaimana gambar itu diambil.

Surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" itu bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama satu laporan khas dan pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar, bekas pemandu isteri Anwar.

Anwar, 51, menghadapi empat pertuduhan rasuah kerana menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya bagi mengelakkan keaiban.

Bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan itu didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Perbicaraan yang masuk hari ke-67 didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Mohamed Azmin, saksi pembelaan ke-14, berkata gambar berkenaan yang turut menunjukkan gambar isterinya, Shamsidar Taharin diambil dengan menggunakan kameranya.

Sebelum itu apabila peguam Christopher Fernando meminta mahkamah menunjukkan gambar berkenaan yang telah diterima sebagai bahan bukti kepada Mohamed Azmin, Paul berkata gambar berkenaan tidak memerlukan apa-apa penjelasan tetapi Fernando berkata ianya perlu bagi menjelaskan isu gambar berkenaan.

Fernando: Kamu kenal gambar ini?

Azmin: Ya, Yang Arif. Saya yang mengambil gambar itu.

Azmin berkata beliau telah memberikan gambar itu kepada Ummi dan "saya sendiri pernah melihat beliau menyimpan gambar ini atas bantal di bilik tidurnya".

Jawapannya itu disambut dengan gelak ketawa mereka yang berada dalam mahkamah.

Semasa menjelaskan kepada mahkamah Fernando berkata perkara itu diketahui ramai malah Ummi sendiri menyerahkan gambar berkenaan yang disimpannya dalam beg tangan kepada polis.

Mohamed Azmin yang memberi keterangan dalam pemeriksaan utama berkata beliau telah bertemu dengan anggota keluarganya pada 26 Jun 1998 selepas melihat surat perihal salah laku yang ditulis Ummi.

Beliau berkata beliau memberitahu mereka mengenai masalah berikutan penulisan surat itu dan Ummi telah memohon untuk berjumpa isterinya untuk meminta maaf.

Mohamed Azmin berkata Ummi telah meminta untuk berjumpa dengannya secara peribadi melalui ahli perniagaan yang juga ahli politik, Datuk Sng

Chee Hwa.

Beliau berkata mereka berdua bertemu di satu sudut ruang tamu pejabat Sng di Wisma Genesis di Jalan Sultan Ismail.

Mohamed Azmin kemudian memberitahu mahkamah mengenai perbualannya dengan Ummi tetapi Paul tidak membenarkan keterangan itu disiarkan oleh pihak media dan isu itu akan dihujahkan oleh kedua-dua pihak esok.

Perbicaraan disambung esok pukul 9 pagi.

-- BERNAMA

NHD AHH AKD